



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/07/51(HQ)

PELANGGAN DOMESTIK BAKAL TERIMA PENYATA TERPERINCI BANTUAN PRIHATIN ELEKTRIK BESERTA BIL BULAN JULAI

Para pelanggan domestik (kediaman) Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan dapat melihat perincian manfaat Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) yang diterima bagi bulan April, Mei dan Jun, dalam Penyata Terperinci yang akan dikeluarkan pada bulan Julai.

Penyata Terperinci tersebut akan diterima pelanggan bersama bil bulan Julai dalam masa tujuh hari melalui pos selepas pembacaan meter dibuat. Mereka juga boleh melihat Penyata Terperinci dan bil tersebut melalui laman web dan aplikasi myTNB selepas 48 jam menerima Notis Makluman (seperti di lampiran).

Pembaca meter TNB akan melakukan bacaan bulan Julai di premis pelanggan mulai 3 Julai 2020 dan pelanggan akan diberi Notis Makluman bahawa pembacaan telah dilakukan.

Pada 20 Jun 2020, Kerajaan bersama TNB mengumumkan pemberian BPE sebagai pakej bantuan tambahan kepada semua 7.66 juta pelanggan domestik melalui pembiayaan penggunaan elektrik percuma sehingga RM231 untuk tempoh tiga bulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu April, Mei dan Jun 2020. Bantuan ini akan dinyatakan dalam bil bacaan sebenar.

Di samping itu, pengguna domestik yang menggunakan elektrik antara 601 - 900 kWj sebulan akan menikmati diskaun sebanyak 10% iaitu tambahan 8% daripada kadar diskaun sedia ada sebanyak 2% bermula bulan April 2020 hingga September 2020.

Untuk pertanyaan lanjut mengenai bil, hubungi talian TNB CareLine 1-300-88-5454 atau e-mel tnbcareline@tnb.com.my atau kunjungi Kedai Tenaga berhampiran.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 2 Julai 2020, jam 11.30 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my*